

5877 penagih terima rawatan kembali menagih dadah

21 Mei 2022

Kadar pemulihan penagih terima rawatan di AADK adalah sekitar 65 peratus

Oleh IZWAN ROZLIN

KAJANG

Ageni Anti Dadah Kebangsaan (AADK) melaporkan seramai 5,877 penagih yang selesai menjalani rawatan di bawah agensi itu dikesan kembali menagih dadah pada tahun lalu.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, jumlah itu diperolehi daripada keseluruhan 15,000 penagih yang selesai menjalani proses merawat pulih masalah ketagihan.

Menurut beliau, pada tahun lalu, penagih di AADK dalam komuniti adalah seramai 73,113

orang dan penagih dalam institusi pula seramai 7,133 orang. "Kadar pemulihan penagih di AADK pula adalah sekitar 65 peratus," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Perkhidmatan Mobile Recovery Treatment Bagi Program Rawatan dan Pemulihan Penagihan Dadah AADK (MRT AADK) di sini, pada Jumaat.

Turut hadir Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said dan Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Datuk Jonathan Yassin serta Ketua Pengarah AADK, Sutekno Ahmad Belon.

Selain itu, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Wan Ahmad

Dahlan Abdul Aziz dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay.

Dalam pada itu, Hamzah berkata, beberapa faktor telah dikenal pasti menjadi penyebab penagih dadah kembali menagih termasuk kurang mendapat perhatian dan sokongan keluarga, pandangan serong masyarakat, sikap individu itu sendiri serta pengaruh kawan.

"Usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan setiap individu yang terlibat dengan permasalahan dadah mendapat akses kepada perkhidmatan rawatan dan pemulihan



HAMZAH

terbaik bersesuaian dengan keperluan serta keadaan semasa," kata beliau.

Mengulas lanjut, Hamzah menambah, MRT AADK ditubuhkan bagi memberi khidmat kepada kumpulan khusus yang mempunyai kebarangkalian untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan dadah di fasiliti AADK.

Beliau menjelaskan, perkhidmatan tersebut disediakan di luar premis AADK dan akan dilaksanakan oleh pasukan MRT AADK di 14 pejabat AADK negeri di seluruh negara.

"Setakat ini, dua pasukan MRT AADK terdiri daripada

pegawai berkemahiran dalam rawatan dan pemulihan penagihan dadah telah dibentuk di setiap negeri.

"Projek rintis MRT AADK ini telah dilaksanakan kepada banduan yang terlibat dengan penagihan dadah pada tahun 2021 dan ia mendapat respons yang baik daripada banduan terlibat.

Tambahnya, kerjasama AADK dan Jabatan Penjara Malaysia juga merupakan satu pendekatan penyelesaian masalah bagi mengatasi masalah banduan dadah kembali menagih.

"Ia juga bagi meningkatkan kadar pematuhan mereka untuk menghadiri program pemulihan selepas mereka dibebaskan kelak," katanya.

